

Kit halal inovasi UPM tembusi pasaran UK



Dr Shuhaimi menunjukkan kit halal mengesan DNA babi yang dibangunkan menerusi penyelidikan UPM.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF/BH]

» **Alat pengesan DNA babi dapat sambutan banyak negara**

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kit halal mengesan DNA babi yang dibangunkan menerusi penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menembusi pasaran United Kingdom (UK), Januari lalu.

Kit yang mula dibangunkan

pada tahun 2009 dan dipatenkan dua tahun kemudian atas nama 'HaFYS Porcine DNA Detection Assay', dilesenkan secara eksklusif kepada syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat, DxNA LLC untuk dipasarkan pada peringkat global. Ia juga akan mula dipasarkan di Asia Barat dalam masa terdekat.

Sasar pasaran Eropah

Pengurus Pembangunan DxNA LLC, Todd Snowden, berkata pihaknya giat berunding dengan beberapa negara Eropah bagi tujuan pemasaran kit halal terbabit yang kini mula mendapat tumpuan banyak negara, termasuk negara bukan Islam berikutan pasaran

produk halal yang luas.

"Usaha menandatangani perjanjian pemasaran dilaksanakan sejak tahun lalu dan alat ini kini mula memasuki pasaran global secara berperingkat," katanya pada sidang media sempena Pameran Minggu Halal Sedunia 2016, di sini, semalam.

Kit itu yang digunakan pada mesin PCR GeneSTAT mempunyai sensitiviti dan ketepatan untuk mengesan tahap pencemaran DNA babi walaupun pada kandungan serendah 0.001 peratus.

Sementara itu, penyelidik UPM, Prof Dr Shuhaimi Mustafa, berkata penggunaan sistem berkenaan sangat mudah dan tidak memerlukan suasana makmal untuk mendapatkan keputusan cepat dan tepat.

Kit ringan, mudah alih

"Mesinnya ringan dan mudah alih, membolehkan ujian dilakukan di mana-mana pada bila-bila masa oleh sesiapa sahaja. Kit halal ini sangat berfaedah dalam membuktikan kes dan melenyapkan keraguan bahawa sampel mungkin diubahsuai oleh pihak ketiga dalam proses pengesanan kandungan.

"Mesin ini juga boleh dibawa ke tapak ujian, sama ada kilang, pelabuhan, restoran atau rumah sembelihan. Ujian boleh dilakukan secara langsung dan keputusan dapat diperoleh hanya dalam masa sejam," katanya.

Kit berkenaan juga dapat membantu badan pensijilan halal untuk tugas pengawasan dan audit, selain digunakan oleh pengeluar produk halal untuk ujian dalaman dan mengurangkan risiko pencemaran DNA babi pada produk mereka sebelum memasuki pasaran.

“**Mesin ini juga boleh dibawa ke tapak ujian, sama ada kilang, pelabuhan, restoran atau rumah sembelihan. Ujian boleh dilakukan secara langsung dan keputusan dapat diperoleh hanya dalam masa sejam**”

Dr Shuhaimi Mustafa,
Penyelidik UPM